

# MAJLIS JASAMU DIKENANG WISMA BINTARA



[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4645-majlis-jasamu-dikenang-wisma-bintara](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4645-majlis-jasamu-dikenang-wisma-bintara)

KUALA LUMPUR, 6 Mac 19 - Wisma Bintara Pangkalan Udara Kuala Lumpur telah menganjurkan makan malam sempena Majlis Jasamu Dikenang di Dewan Angkasaraya, PU Kuala Lumpur.

Majlis yang diadakan sebagai tanda penghargaan kepada bekas ahli wisma bintara PU Kuala Lumpur telah dihadiri oleh 400 bekas ahli wisma.

Turut hadir, Komander Pangkalan, Kol Mohamad Noh bin Daim TUDM bersama pegawai penjaga wisma, Kapt Mohd Shah Iskandar bin Che Daud TUDM pada majlis makan malam tersebut.

